



## **Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik**

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

### **Rang Undang-undang Pendanaan Politik (Dipinda 8.11.2023)**

Ringkasan Pembentangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, JKKP mengenai hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi  
Khamis, 9 November 2023

- Rang Undang-Undang ini digubal oleh **Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik dengan** mengambil kira pandangan parti politik dan orang ramai.
- IDEAS, sebagai sekretariat, dan CSO lain yang menjadi ahli kepada KRPPM telah menganjurkan perjumpaan dan perbincangan dengan ahli-ahli beberapa parti politik dan orang awam di beberapa negeri sepanjang tahun 2023.
- RUU ini merupakan pindaan kepada RUU Pendanaan Politik 2022 (Rang Undang-undang Persendirian) yang telah dikemukakan kepada Sekretariat Dewan Rakyat pada 13 Julai 2022 melalui YB Ahmad Fadhli, Pengerusi KRPPM sebelum ini.
- Selepas PRU15, KRPPM diwujudkan semula dengan YB Wong Chen sebagai Pengerusi baharu dan meminda rang undang-undang berdasarkan cadangan dan pandangan dari sesi-sesi perbincangan dan perjumpaan yang dianjurkan IDEAS dan CSO lain.
- Objektif Rang Undang-undang Pendanaan Politik KRPPM:
  - Mengawal selia sumber pembiayaan parti politik sama ada melalui pembiayaan awam atau derma persendirian sebagai cara untuk membendung rasuah, menyediakan platform yang adil semasa pilihanraya
  - Memperkukuh ketelusan dan menjadikan proses pendanaan politik lebih bertanggungjawab

### **Peruntukan Utama RUU Pendanaan Politik KRPPM:**

#### **1. Pembiayaan politik mesti dikawal selia oleh badan yang bebas dan bertanggungjawab untuk memastikan akauntabiliti, keadilan dan kesamarataan.**

- RUU KRPPM mengesyorkan penubuhan badan kawal selia baharu: Suruhanjaya Pendanaan Politik.
- **Pelantikan:** Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat *Jawatankuasa Parlimen Pendanaan Politik (seksyen 24(2))*. Pemilihan oleh jawatankuasa parlimen akan memastikan suruhanjaya yang lebih bebas berbanding pemilihan oleh perdana menteri atau mana-mana eksekutif.
- **Kuasa:** Suruhanjaya mesti diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat daripada parti politik dan calon (*seksyen 25*) dan kuasa siasatan (*seksyen 26*). Suruhanjaya juga diberi kuasa untuk mengeluarkan peraturan (*seksyen 27*), tetapi peraturan ini perlu mendapat kelulusan daripada Parlimen.
- **Komposisi:** Pengerusi, Timbalan Pengerusi, lima orang ahli Suruhanjaya (*seksyen 24(2)*). Mereka dilantik untuk tempoh 6 tahun (*seksyen 24(2)*)
- **Mekanisme Akauntabiliti:**
  - Suruhanjaya bertanggungjawab kepada *Jawatankuasa Parlimen mengenai Pendanaan Politik*.
  - Suruhanjaya mesti membentangkan dua laporan kepada Jawatankuasa (*seksyen*

29):

- laporan kumpulan wang pembiayaan politik (lihat no. 2)
- laporan derma yang diterima oleh parti politik.
- Suruhanjaya mesti menerbitkan kedua-dua laporan tersebut kepada orang awam. Pendedahan derma (jumlah dan nama penderma) terhad kepada derma yang melebihi RM 10,000 (*seksyen 29*)
- Suruhanjaya mesti menghantar Penyata Kewangan Tahunan kepada Jabatan Audit Negara (*seksyen 29*).
- **Contoh negara:** Federal Election Commission (Amerika Syarikat), Independent Electoral Commission (Afrika Selatan), Electoral Commissioners (United Kingdom)

## 2. Sebahagian daripada Belanjawan Tahunan Negara harus diperuntukkan untuk parti-parti politik (Pembiayaan Awam-Public Funding)

- Kenapa?
  - Memberi sumber kewangan tetap bagi parti politik. Ketergantungan parti ke atas sumbangan swasta boleh dikurangkan. Rasuah boleh dikawal.
  - Dilaksanakan di 123 daripada 174 negara yang dikaji (International IDEA)
- **Kelayakan** (*seksyen 14(1)*): hanya parti politik yang mendapat 2% daripada jumlah undi pemilih yang sah dalam pilihan raya atau satu kerusi DUN atau satu kerusi Parlimen layak mendapat peruntukan pembiayaan.
- **Jumlah peruntukan tahunan:** 0.05% daripada belanjawan tahunan atau RM 130 juta (*seksyen 13*)
- **Formula pengagihan:** RM 120 juta diberi kepada parti politik berdasarkan jumlah undi sah dan RM 10 juta diberi berdasarkan jumlah wakil rakyat wanita yang terpilih (*Jadual 1-3*)
- **Pengurusan:** peruntukan belanjawan bagi tujuan ini akan disalurkan kepada *Kumpulan Wang Parti Politik* yang ditubuhkan melalui akta ini. Kumpulan Wang Parti Politik akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Pendanaan Politik yang akan melantik Ketua Pegawai Eksekutif untuk mengurus dana (*seksyen 24(10)(a)*)

## 3. Parti politik dan calon pilihan raya bebas mengumpul dana tanpa meminta kebenaran daripada Suruhanjaya. Derma kepada parti politik dan calon pilihan raya mesti dikawal melalui had derma, dilapor kepada Suruhanjaya Pendanaan Politik dan didedahkan kepada awam.

- **Penerima Sumbangan:** Parti politik dan calon pilihan raya boleh menerima sumbangan sama ada dalam bentuk wang tunai, pemindahan wang (bank transfer) atau derma 'in-kind'. Calon pilihan raya (*seksyen 9*): hanya semasa tempoh kempen pilihan raya dan hanya ke dalam akaun yang ditetapkan (bukan akaun simpanan peribadi)
- **Jenis derma** (*seksyen 3*):
  - Bank Transfer: sumbangan dibuat melalui pindahan wang melalui bank
  - Wang tunai (*seksyen 8*): hanya dibenarkan semasa 'ceramah', tidak boleh melebihi RM1,000, mesti dilaporkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh 3 hari bekerja.
  - Derma 'in-kind' (termasuk promosi media pihak ketiga): sebarang wang yang dipinjamkan selain daripada terma komersial, pembayaran bagi pihak parti, penyediaan aset atau perkhidmatan, penajaan.
- **Penderma** yang dibenarkan: (*seksyen 4(2)*)
  - Warganegara Malaysia, 18 tahun ke atas
  - entiti yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966
  - sebuah syarikat yang dikawal di Malaysia
- **Penderma yang dilarang** (*seksyen 5(1)*)
  - Entiti berkaitan kerajaan (GLE)
  - Kerajaan, agensi, orang atau entiti asing
  - Kumpulan jenayah terancang

- Entiti yang ditubuhkan untuk tujuan amal
- Persatuan agama
- Entiti yang telah menandatangani kontrak perolehan kerajaan
- Perniagaan atau yayasan yang dikendalikan atau dilaburkan oleh parti politik
- **Had derma:**
  - Untuk bank transfer dan wang tunai setiap tahun kewangan (*seksyen 7(1)*):
    - RM50,000 daripada penderma individu
    - RM100,000 daripada syarikat
    - RM500,000 daripada kumpulan syarikat
  - Untuk wang tunai pada satu masa: RM 1,000.
  - Untuk derma in-kind: had akan ditetapkan oleh Suruhanjaya
- **Parti politik mesti mengenal pasti identiti penderma.** Jumlah derma yang tidak dikenal pasti tidak boleh melebihi 30% daripada derma yang diterima dalam satu tahun kewangan (*seksyen 7(2)*)

**4. Untuk memastikan kebertanggungjawaban, ketelusan dan semak imbang yang kukuh, pihak-pihak berkepentingan dalam pendanaan politik mesti menyediakan laporan kepada pihak-pihak yang bertanggung jawab mengawal selia**

- Berikut adalah laporan-laporan yang perlu disediakan mengikut RUU KRPPM mengenai Pendanaan Politik

| Daripada                                       | Kepada                               | Laporan                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------------------------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Calon pilihanraya (hanya semasa tempoh kempen) | Suruhanjaya Pendanaan Politik        | Laporan derma (31 hari selepas selesai tempoh kempen)                                                                                                                                                                                                                  |
| Parti politik yang menerima pembiayaan awam    | Suruhanjaya Pendanaan Politik        | Laporan penggunaan dana awam yang telah diaudit                                                                                                                                                                                                                        |
| Ibu pejabat negeri parti politik               | Ibu pejabat kebangsaan parti politik | Laporan derma, penyata kewangan dan akaun kewangan yang telah diaudit                                                                                                                                                                                                  |
| Ibu pejabat kebangsaan parti politik           | Suruhanjaya Pendanaan Politik        | Laporan derma yang diterima. Perincian identiti penderma diwajibkan ke atas semua derma yang melebihi RM1,000. Semua laporan derma ibu pejabat negeri                                                                                                                  |
| Suruhanjaya Pendanaan Politik                  | Penelitian masyarakat umum           | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Laporan tahunan Kumpulan Wang Parti Politik</li> <li>● Laporan derma yang diterima oleh parti politik. Pendedahan derma (jumlah dan nama penderma) terhad kepada derma yang melebihi RM 10,000 (<i>seksyen 29</i>)</li> </ul> |
| Suruhanjaya Pendanaan Politik                  | Jawatankuasa Parlimen mengenai       | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Laporan Tahunan Kumpulan Wang Parti Politik</li> <li>● Laporan derma yang diterima oleh</li> </ul>                                                                                                                            |

|                               |                    |                          |
|-------------------------------|--------------------|--------------------------|
|                               | Pendanaan Politik  | parti politik.           |
| Suruhanjaya Pendanaan Politik | Ketua Audit Negara | Penyata Kewangan Tahunan |

**5. Demi memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip ketelusan dan tadbir urus, kesalahan terkait pengumpulan derma dan penggunaan wang awam mesti dihukum.**

- Cadangan kesalahan dan penalti dalam RUU KRPPM mengenai pendanaan politik:

| Kesalahan                                                                                                                                                                                                                                                                                   | Penalti                                                                                                                     | Peruntukan           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima derma terlarang</li> <li>• Menerima derma lebih daripada had yang ditetapkan</li> <li>• Menerima menerima derma di luar tempoh pilihan raya (untuk calon pilihan raya)</li> <li>• Memberikan maklumat palsu kepada Suruhanjaya</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Denda 10 kali ganda derma terlarang</li> <li>• Rampasan derma terlarang</li> </ul> | <i>seksyen 10</i>    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana kesalahan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya mengikut maksud Akta</li> </ul>                                                                                                                                                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat amaran</li> <li>• Denda</li> <li>• Rampasan</li> </ul>                       | <i>seksyen 25(3)</i> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Enggan memberikan maklumat atau memberi keterangan kepada Suruhanjaya</li> </ul>                                                                                                                                                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Denda RM10,000</li> <li>• Penjara 6 bulan</li> </ul>                               | <i>seksyen 30</i>    |

**Disediakan oleh:**

Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Sekretariat Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik  
The Lower Penthouse, Wisma Hang Sam, 1 Jalan Hang Lekir, 50000 Kuala Lumpur

**Rujukan lanjut:**

Ooi, K.H. (2021). Public Funding of Political Parties in Malaysia: Debates, Case Studies and Recommendations. Bersih 2.0.

<https://bersih.org/download/bersih-policy-research-public-funding-of-political-parties/>

Melnik, S. (2016). The Principles of Political Finance Regulations. IDEAS. <https://www.ideas.org.my/publications-item/policy-paper-no-29-the-principles-of-political-finance-regulations/>

Azhari, A. and Yeoh, T. (2021). Political Financing in Malaysia: Recent Developments and Plugging Potential Gaps. IDEAS.

<https://www.ideas.org.my/publications-item/brief-ideas-no-33-political-financing-in-malaysia-recent-developments-and-plugging-potential-gaps/>

Azhari, A. (2021). Political Financing in Malaysia: Aligning Reforms With Voters' Expectations.

<https://www.ideas.org.my/publications-item/brief-ideas-no-34-political-financing-in-malaysia-aligning-reforms-with-voters-expectations/>

International IDEA Database:

[https://www.idea.int/data-tools/data/question?question\\_id=9212&database\\_theme=302](https://www.idea.int/data-tools/data/question?question_id=9212&database_theme=302)

### **Videos:**

IDEAS and the Fourth video mengenai kepentingan pembiayaan awam bagi parti politik di Malaysia (<https://www.youtube.com/watch?v=cQSUxlQ2Aok>)

IDEAS and the Fourth video mengenai kepentingan pengawalan pembiayaan politik di Malaysia (<https://www.youtube.com/watch?v=OckPiE3gCZY>)

Video mengenai kepentingan pembiayaan awam untuk parti politik (<https://www.youtube.com/watch?v=aGDddTzjFtQ>)